



“SAKIT: NIKMAT ATAU MUSIBAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ
لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ . قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala yang ditegahNya. Semoga kita akan sentiasa mendapat rahmat dan limpah keberkatan daripada Allah SWT.

Pada kesempatan Jumaat hari ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**SAKIT: NIKMAT ATAU MUSIBAH**".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Allah memberikan kepada kita nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Antara nikmat yang paling besar yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia ialah nikmat kesihatan.

Menurut Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

نِعْمَتَانِ مَغْبُورٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ
وَالْفَرَاغُ.

"Dua nikmat paling besar yang tidak diambil peduli oleh kebanyakan manusia iaitu nikmat kesihatan dan masa lapang".

(Riwayat Al-Bukhari)



Nikmat kesihatan sering dipandang remeh oleh kebanyakan manusia. Hal yang demikian tentu sekali kerana mereka tidak pernah memanfaatkan nikmat kesihatan untuk mendekati diri kepada Allah dan persediaan menghadapi hari Akhirat. Atas dasar itulah Rasulullah s.a.w mewasiatkan agar menjaga kesihatan dan menggunakan nikmat kesihatan itu dengan sebaik mungkin sebelum datangnya sakit.

Hadis daripada Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud:

"Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara, iaitu hidupmu sebelum kematianmu, sihatmu sebelum sakitmu, mudamu sebelum tuamu, kayamu sebelum kemiskinanmu, waktu lapangmu sebelum sibukmu".

(Riwayat Al-Hakim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah:

Sihat adalah nikmat yang paling besar. Apabila sakit, barulah manusia akan terasa betapa besarnya nilai kesihatan. Ketika manusia tidak sedar nikmat sihat, sudah tentu mereka tidak lagi mengingati Allah dan tidak lagi bertaqwa kepadaNya. Sebaliknya mereka tenggelam dalam kemaksiatan. Inilah yang dikatakan orang yang telah kufur nikmat pemberian Allah swt iaitu orang yang telah mempergunakan nikmat Allah untuk kembali menentangNya. Ingatlah, nikmat kesihatan yang dianugerahkan Allah ini hanyalah sementara dan pasti akan dipersoalkan kelak pada hari akhirat sama ada ia dimanfaatkan atau dipersiapkan.

Hadis daripada Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:



لَا تَزُولُ قَدَمًا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ
أَرْبَعٍ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ جَسَدِهِ فِيمَا
أَبْلَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ مَاذَا عَمِلَ فِيهِ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ
أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ.

"Tidak akan berganjak kedua-dua kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga ditanya tentang empat perkara iaitu tentang umurnya ke mana ia dihabiskan, tentang tubuh badannya untuk apa ia dimanfaatkan, tentang ilmunya apa yang ia amalkan dari ilmu itu dan tentang hartanya dari mana hasilnya dan ke mana ia dibelanjakan". (Riwayat At-Tirmidzi)

Justeru, jadikanlah kesihatan ini sebagai satu 'medium' yang membantu seorang hamba melakukan ketaatan kepada Allah SWT demi meraih pahala dan bukan kemurkaannya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah:

Apabila kita ingin mengetahui sejauh mana nikmat kesihatan yang telah kita kecapai, banyakkannya menziarahi orang yang sakit. Hal yang demikian kerana kesihatan merupakan raja segala-galanya. Hanya orang yang sakit dapat mengetahui betapa berharganya nikmat kesihatan.

Betapa ramai orang yang sakit berharap kedua-dua belah kakinya mampu berjalan melakukan amal soleh dan mampu menjenguk temannya namun semua itu tidak mampu dilakukannya. Betapa ramai orang yang sakit



terputus hubungan dengan masyarakat, tidak mampu mendengar dan bercakap tetapi hanya mampu berharap agar dapat mendengar dan melihat untuk terus membaca al-Quran atau mendengarnya. Namun, semua keinginan itu berlaku setelah nikmat kesihatan telah ditarik oleh Allah SWT.

Betapa ramai pesakit yang telah buta matanya dan hanya mampu berharap penglihatan dikembalikan untuk melihat kekuasaan dan ciptaan Allah tetapi ia hanya sekadar angan-angan. Adakah kita semua melupakan golongan seperti ini? Celakalah kehidupan seseorang yang cuba menongkah arus dan melawan takdir serta lupa dan lalai kepada Allah SWT.

Bersyukurlah atas nikmat kedua-dua belah kaki dengan memperbanyak langkah kaki ke masjid dan ke arah kebaikan. Bersyukurlah atas nikmat lidah dengan memperbanyak bacaan al-Quran atau berzikir. Bersyukurlah atas nikmat pendengaran dan menjaganya daripada mendengar alunan lagu dan muzik yang melalaikan. Bersyukurlah atas nikmat kedua-dua belah mata dengan tidak melihat kepada perkara-perkara haram yang dimurkai oleh Allah SWT. Semua ini adalah di antara cara seorang hamba menghargai nikmat kesihatan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada mereka.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada hari ini tersebar pelbagai jenis penyakit kronik yang biasa disebut tiga serangkai seperti kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung termasuk juga gangguan ain dan sihir. Ada yang meninggal dunia lebih awal dan ada yang terpaksa menanggung sakit bertahun-tahun. Yang pasti umur manusia tidaklah begitu panjang melainkan seseorang yang diberikan umur subsidi oleh Allah SWT.



Hadis daripada Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda:

أَعْمَارُ أُمَّتِي مَا بَيْنَ السِّتِينَ وَالسَّبْعِينَ، وَأَقْلَهُمْ
مَنْ يَجُوزُ ذَلِكَ.

"Umur ummatku hanya antara 60 hingga 70 tahun. Amat jarang yang dapat melepasi had umur ini".

(Riwayat at-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Bahkan, tidak berfaedah langsung seseorang yang mempunyai umur yang panjang jika tidak dipenuhi dengan ketaatan. Realiti kehidupan pada hari ini membuktikan bahawa kemaksiatan tidak mampu lagi dibendung. Dalam sebuah hadis, Abu Bakrah pernah mendengar daripada bapanya bahawa seorang sahabat telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ؟ قَالَ: "مَنْ طَالَ
عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ". قَالَ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ
فَأَيُّ النَّاسِ شَرٌّ؟" قَالَ: "مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَسَاءَ
عَمَلُهُ".

"Wahai Rasulullah! Siapakah manusia yang paling baik? Jawabnya: Sebaik-baik manusia antara kamu adalah orang yang panjang umurnya dan



baik amalnya. Siapakah pula manusia paling buruk? Seburuk-buruk manusia antara kamu adalah sesiapa yang panjang umurnya tetapi buruk amalnya".

(Riwayat at-Tirmidzi, hadis hasan sahih)

Malah, Nabi s.a.w memohon kepada Allah agar tidak dipanjangkan umur hingga nyanyuk.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Allah SWT tidak bersifat zalim kepada hamba-Nya. Setiap kesakitan atau penyakit yang ditimpakan kepada seseorang mengandungi hikmah disebaliknya. Antara hikmah di sebalik kesakitan atau penyakit yang menimpa manusia adalah:

Pertama : Sebagai penghapus dosa. Oleh itu sesiapa yang sakit hendaklah memperbanyakkan istighfar kepada Allah SWT di hujung usianya.

Hadis daripada Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا
وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى
وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا
كَفَرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ .



"Seseorang muslim yang ditimpa kecelakaan, kemiskinan, kesedihan, sakit mahupun dukacita walaupun tertusuk duri pasti Allah akan menebus dosa-dosanya dengan apa yang menyimpannya itu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kedua : Menambah kebaikan.

Hadis daripada Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ
خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَلِكَ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ، إِنْ
أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ،
وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا
لَهُ.

"Amat dikagumi sifat orang mukmin, iaitu semua urusan yang menyimpannya adalah baik. Tidaklah seorang mukmin itu kecuali apabila ditimpa kebaikan, dia bersyukur lalu menjadi kebaikan baginya dan apabila ditimpa keburukan dia bersabar lalu menjadi kebaikan baginya".

(Riwayat Muslim)



Ketiga : Meningkatkan keimanan dan kesabaran.

Jika diuji dengan penyakit, seringkali seseorang tidak sabar bahkan berkeluh kesah dan lebih parah hingga mencela penyakit yang dideritai. Padahal semua yang dialami seorang mukmin itu baik baginya. Jika dia menghadapinya seperti yang ditempuhi oleh Rasulullah s.a.w, ini akan membersihkan dosa-dosanya.

Keempat : Mengembalikan manusia kepada Allah dan istiqamah di atas agamanya.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Zukhruf ayat 48 :


وَمَا نُزِيهِمْ مِّنْ آيَةٍ إِلَّا هِيَ أَكْبَرُ مِنْ
أُخْتِهَا وَأَخَذْنَاهُمْ بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ
يَرْجِعُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan tidaklah Kami memperlihatkan kepada mereka sesuatu tanda kebenaran Nabi Musa melainkan tanda itu adalah lebih terang dari yang terdahulu daripadanya; dan Kami timpakan mereka dengan berbagai azab (bala bencana), supaya mereka kembali (bertaubat kepada Allah)".



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya setiap penyakit atau kesakitan yang dialami oleh seorang hamba merupakan suatu ujian daripada Allah swt. Ia boleh menjadi suatu nikmat jika manusia tersebut redha dan bersyukur serta mendekatkan diri kepada Allah ataupun sebaliknya menjadi musibah sekiranya kesakitan yang dialami membuatnya semakin jauh daripada Allah. Sesungguhnya bergembiralah bagi mereka yang sabar dalam menghadapi ujian kesakitan ini kerana ia adalah bukti kasih sayang Allah kepada hambaNya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ^{قَالَ} وَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
يَهْدِ قَلْبَهُ ^ج وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ 

"Tidak ada musibah yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar). Ingatlah! Allah Maha Mengetahui setiap sesuatu".

(At-Taghabun: 11)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكَوْ أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ



الحاج في أمن وصلاح وعافية بمنك وكرمك يا
ذاالجلال والإكرام. اللهم أطل عمرهما مصلحين
للموظفين والرعية والبلاد، وبلغ مقاصدهما
لطريق الهدى والرشاد.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.